

SOALAN NO: 29

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Dato' Wira Othman Bin Abdul
[Pendang]

TARIKH : 12 Mac 2018 (Isnin)

SOALAN : Dato' Wira Othman Bin Abdul
[Pendang] minta **MENTERI PERTANIAN
DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan
apakah benar BERNAS akan menutup
pusat belian padi di Bukit Raya, Pendang.
Kalau benar, mengapa.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Sehingga kini operasi belian padi di BERNAS Bukit Raya, Pendang masih berjalan seperti biasa dan cadangan penutupan masih di peringkat kajian. Kerajaan akan memastikan sekiranya berlaku penutupan operasi pusat belian tersebut, segala aktiviti penjualan dan pembelian padi di kawasan tersebut tidak akan terjejas dan sebaliknya akan membuka peluang kepada pusat belian padi PPK sedia ada yang berhampiran iaitu PPK Kobah dan PPK Tajar.